

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 MARCH 2015

Belia kena teroka keusahawanan sosial

BH-20/3/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mahu lebih ramai belia meneroka keusahawanan sosial bagi membantu mewujudkan impak positif berkekalan kepada masyarakat.

Perdana Menteri berkata, ketika Malaysia beralih kepada negara berpendapatan tinggi, keusahawanan sosial akan menjadi bidang penting dalam mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi.


Katanya, keusahawanan sosial adalah kunci transformasi sosial dan mewujudkan masyarakat lebih seimbang selain kunci bagi mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan serta inovasi dalam menuju negara berpendapatan tinggi.

"Model Ekonomi Baru menyediakan rangka kerja dan persekitaran untuk memperkasakan syarikat swasta dan mengurangkan jurang pendapatan, tetapi ia tidak cukup.

Perlu model ekonomi

"Kita memerlukan model ekonomi yang boleh membawa perubahan sosial," katanya berucap pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda (ICYL) 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Persidangan dengan tema 'Mengubah Komuniti Melalui Keusahawanan Sosial' itu diadakan selama tiga hari ber-



Najib menyampaikan anugerah myHarapan kepada pemenang pertama, Giorgio Catucci pada Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda (ICYL) 2015 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

mula semalam, dihadiri lebih 300 peserta dari 10 negara.

Najib berkata, Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan penting untuk menggalak golongan belia menceburi bidang keusahawanan sosial dan mempromosi pema-

ngunan bidang terbabit.

"Saya yakin golongan belia ingin mengubah dunia dengan menggunakan model perniagaan sosial melalui peluang yang diberi selain mempunyai impak positif mendalam dan berpanjangan dalam sosial ser-

ta isu persekitaran," katanya.

Beliau berkata, kerajaan terus memberi sokongan terhadap golongan belia yang mahu menceburi keusahawanan sosial termasuk menyediakan peruntukan dan membimbing mereka dalam bidang berkenaan.